

Pelajar baru UMT ambil peluang kenali Terengganu

sf 10/07/08 Pg.20

Kelainan yang ada pada UMT bukan hanya merangkumi penawaran kursus yang hebat dan relevan bagi memenuhi pasaran kerja pada masa kini, malah turut melibatkan kehidupan pelajar di universiti tersebut.

■ ROSHLAWATY RAIH

KUALA TERENGGANU – Saya gembira kerana berjaya melanjutkan pelajaran di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) kerana universiti ini lain daripada yang lain.

Itulah pengakuan pelajar baru UMT dalam bidang Sarjana Muda Perakaunan, Low Bee Shan, 20. Bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Khir Johari, di Kedah itu berkata, kelainan yang ada pada UMT bukan hanya merangkumi penawaran kursus yang hebat dan relevan bagi memenuhi pasaran kerja pada masa kini, malah turut melibatkan kehidupan pelajar di universiti tersebut.

“Pelajar di sini tidak sompong, mereka sentiasa bersikap mesra dan ramah apabila bertemu dengan pelajar lain serta tidak keberatan menghulurkan bantuan kepada sesiapa sahaja,” katanya.

Sementara itu, pelajar yang berasal dari Negeri Sembilan, Mohd Fadli Harun, 19, pula mengakui, tawaran melanjutkan pelajaran di UMT memberinya peluang mengenali ne-



LOW BEE SHAN



MOHD FADLI HARUN



MALATHI a/p T RISIYAN



Pelajar baru sibuk menguruskan proses pendaftaran di UMT.

geri ini dengan lebih dekat dan mendalam.

“Sebelum ini, saya hanya mendengar kehebatan dan ketristimewaan Terengganu melalui televisyen serta radio sahaja kerana tidak pernah datang ke sini lagi.

“Insya-Allah, sepanjang empat tahun belajar di UMT, saya akan pastikan dapat melewati semua tempat menarik di sini terutamanya Taman Ta-

madun Islam (TTI), Dataran Shahbandar dan Bukit Puteri,” katanya.

Malathi a/p T Risiyam, 21, pula berkata, penglibatan pelajar baru pada Minggu Jalinan Mesra UMT (Minggu Orientasi) memberikan banyak manfaat dan impak positif.

“Kami bukan sahaja diberi taklimat mengenai aspek kurikulum, kokurikulum dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), malah turut diperkenalkan dengan pihak pengurusan tertinggi UMT.

“Minggu orientasi ini dilihat sebagai langkah awal menyiapkan pelajar baru bagi

menyesuaikan diri dalam persekitaran pembelajaran di universiti dengan menerapkan empat nilai utama iaitu keyakinan diri, pengurusan masa, sosial serta kepimpinan,” katanya.